

13/12/1999

Cinta kukuhkan masyarakat

Tok Siak

ASSALAMUALAIKUM. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana berkat rahmat dan hidayah-Nya kita dapat bertemu hari ini. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan pengikut setianya.

Malam tadi Imam Muda yang mengajar. Oleh sebab masa tidak begitu panjang kerana selepas solat Isyak berlangsung pula solat tarawih, maka Imam Muda hanya membaca beberapa berita yang tersiar di akhbar serta ulasannya saja.

Kata Imam Muda, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membidas sikap ahli gabungan Barisan Nasional (BN) yang menyebabkan undi berpecah dalam pilihan raya baru lalu sehingga kehilangan sebuah lagi negeri ke tangan pembangkang, patut menjadi renungan.

Perdana Menteri dengan tegas menyatakan, ada ahli BN terutama di kalangan Umno sendiri yang tidak dicalonkan semula bukan saja enggan membantu calon lain, malah langsung tidak bekerja sehingga beberapa bilik gerakan ditutup terus. Ini ditambah jentera parti yang berpaling tadah dan lebih setia kepada individu tertentu daripada setia kepada perjuangan parti.

Mengikut Perdana Menteri, negara ini mengamalkan kebebasan berpolitik sepenuhnya. Negara ini lebih bebas daripada Eropah. Kempen tidak berhenti. Mereka berkempen sepanjang tahun dan serta-merta selepas pilihan raya.

Selain itu, kata Perdana Menteri pembangkang menggunakan pelbagai taktik kotor dan menyebarkan pelbagai fitnah mengenai kerajaan, pribadi dan kepemimpinan beliau.

Perdana Menteri juga menegaskan, kerajaan BN akan terus melaksanakan langkah berdasarkan prinsip Islam dan tidak akan menentang prinsip Islam.

Kata Imam Muda, semua yang diucapkan Perdana Menteri hendaklah menjadi bahan renungan setiap rakyat Malaysia khususnya yang beragama Islam dan cintakan negara yang amat subur ini.

Imam Muda lalu membaca sebuah hadis (maksudnya); "Setinggi-tinggi darjat iman, hendaklah anda menyukai bagi orang ramai apa yang anda menyukai bagi diri anda sendiri dan membenci bagi mereka apa yang anda benci bagi diri anda sendiri juga." (Hadis riwayat Imam Ahmad).

Islam menganjurkan perdamaian dan tidak ingin melihat percakaran antara satu dengan lain dalam kehidupan di dunia ini sama ada antara Islam dengan Islam ataupun antara Islam dan bukan Islam atau antara puak lain.

Kata Imam Muda, ada beberapa hadis mengenai kasih sayang antara manusia.

Tarmizi dan Ibn Majah meriwayatkan hadis Nabi SAW (maksudnya); "Sukakan bagi orang ramai apa yang anda sukai bagi diri sendiri agar anda menjadi Muslim."

Sebuah lagi sabda Nabi SAW (maksudnya); "Cintakah anda kepada syurga itu? Jawabku: Ya. Sabda baginda lagi: Sukakanlah bagi saudaramu itu apa yang anda sukakan bagi diri anda sendiri."

Hadis itu dengan jelas menunjukkan mencintai orang lain besar sekali ganjarannya. Ini tidak mustahil kerana banyak perkara yang jika kita lakukan atas nama cinta kepada orang lain boleh menyebabkan kita menerima ganjaran daripada Allah.

Misalnya menyebabkan seseorang masuk Islam, selepas kita tunjukkan budi pekerti Islam, tolak ansur dan akhlak mulia sehingga menimbulkan keharuan kepada orang itu lalu menariknya untuk membuka pintu Islam.

Jelas kecintaan kita itu menyelamatkan seseorang daripada kesyirikan dan kekufuran yang menyesatkan daripada jalan agama yang benar. Ataupun jika

kita menyelamatkan seseorang daripada terpesong daripada jalan benar lalu membimbingnya semula ke jalan lurus.

Tujuan hadis itu ialah menghidupkan semangat cinta mencintai antara sesama manusia dan mengikis sifat yang berlawanan dengan sifat itu iaitu benci-membenci, dengki-mendengki dan khianat-mengkhianati.

Kata Imam Muda, apabila semangat kasih sayang bersemarak di hati dan jiwa kita, sama ada kerana sesama Islam atau kerana bernama manusia maka terbentuklah masyarakat model yang bersatu padu, kukuh dan kuat tidak bercerai-berai atau berpecah-belah.

(END)